

Jangan terpedaya tawaran dari pajak gadai tidak berlesen

BH ONLINE | Rabu, 11 Disember 2019 | 5:56pm



Mohd Fauzi (tengah) menunjukkan sebahagian barang rampasan empat premis pajak gadai yang disyaki tidak berlesen di Kuala Lumpur dan Johor pada sidang media serbuan pemegang pajak gadai tidak berlesen di KPKT

PUTRAJAYA: Pelbagai tawaran menarik yang diiklankan pemilik premis pajak gadai tidak berlesen membuatkan pelanggan tertarik untuk memajak barang kemas milik mereka tanpa memikirkan risiko yang bakal ditanggung.

Orang ramai pula tidak menyedari barangan yang dipajak di premis tidak berlesen itu tidak dilindungi insurans, dan sekiranya berlaku bencana seperti kebakaran, pelanggan tidak boleh membuat tuntutan terhadap barang mereka.

Penguasa Polis Siasatan dan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kredit Komuniti) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Superintendan Mohd Fauzi Hassan, iklan mengenai tawaran menarik itu dilihat semakin berleluasa di platform media sosial yang secara tidak langsung mengaburi pelanggan terhadap premis pajak gadai tidak berlesen berkenaan.

“Hanya satu jenis papan tanda untuk iklan pemegang pajak gadai yang sah boleh digunakan iaitu Pemegang Pajak Gadai Berlesen, manakala iklan seperti Beli Surat Pajak, Upah Simpan dan Beli Barang Kemas adalah contoh perniagaan pajak gadai tidak berlesen.

“Selain itu pajak gadai tidak berlesen ini mempunyai modus operandi hampir sama seperti mempunyai perjanjian dan terma pajakan yang kebanyakannya tidak tetap mengikut kehendak premis serta mengambil keuntungan melebihi dua peratus sebulan.

“Bagi pajak gadai tidak berlesen ini, barangan yang tidak ditebus dalam tempoh tertentu akan dilupuskan serta barangan pelanggan tidak disimpan dalam premis terbabit,” katanya kepada pemberita dalam sidang media khas, di kementerian terbabit di sini, hari ini.